

2.2 UNIT INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN

Unit Inspektorat dan Perundangan (UIP) ditubuhkan pada tahun 2008 dengan keanggotaan seramai 4 orang pegawai. UIP ditubuhkan bertujuan untuk menyelaraskan semua maklumat berkaitan aktiviti penguatkuasaan di bahagian Kesihatan Awam. Adalah menjadi tanggungjawab UIP untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT) di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu, UIP juga berperanan untuk menjalankan kes-kes pendakwaan di Mahkamah Jalan Duta setelah mendapat persetujuan daripada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

2.2.1 Operasi Penguatkuasaan PPKHT

Jadual 25: Jumlah Operasi Dan Kompaun Yang Telah Diterima, 2008, JKWPKL&P

Aktiviti	Jumlah
Bilangan Operasi	36
Bilangan Premis / Lokaliti Dilawati	76
Bilangan Kompaun Dikeluarkan	41
Amaun Kompaun Ditawarkan (RM)	10,250
Bilangan Kompaun Dibayar	41
Amaun Kompaun Dibayar (RM)	4,450

Gambar 6: Aktiviti Penguatkuasaan Kawalan hasil Tembakau



Sesi taklimat sebelum operasi dijalankan.



Aktiviti penguatkuasaan di lapangan.

Aktiviti penguatkuasaan Kawalan Hasil tembakau merupakan aktiviti utama unit ini. Ini selaras dengan kempen Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu kempen “TAK NAK” dan dalam memastikan semua masyarakat mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Antara tempat-tempat yang telah dijalankan aktiviti penguatkuasaan ini termasuklah Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), premis-premis kerajaan, restoran-restoran berhawa dingin dan kompleks membeli belah.

2.2.2 Kes Mahkamah

Unit Inspektorat & Perundangan bertanggungjawab untuk memastikan setiap kesalahan yang dilakukan oleh Orang Kena Saman (OKS) diselesaikan samada melalui menjelaskan bayaran kompaun tersebut atau kes tersebut didaftarkan ke mahkamah untuk tindakan selanjutnya. Setiap kes dikehendaki untuk membuka kertas siasatan bagi mendapatkan izin kompaun dan izin pendakwaan daripada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).


Jadual 26: Jumlah Kertas Siasatan Yang Dirujuk Kepada TPR dan Kes-Kes Mahkamah, 2008, JKWPKL&P

Aktiviti	Jumlah
Bilangan Kertas Siasatan Dibuka	50
Bilangan Kes Didaftar Ke Mahkamah	20
Bilangan Kes Didenda Oleh Mahkamah	17
Bilangan Dipenjara	0
Amaun Didenda Oleh Mahkamah (RM)	4,600
Bilangan D&A	0
Bilangan DNAA	3

2.2.3 Notis Rokok (Di bawah Seksyen 32B) Yang Telah Dikeluarkan

Sebanyak 102 notis (di bawah seksyen 32B) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 telah dikeluarkan sepanjang tahun 2008.

Rajah 1: Jumlah Notis (Rokok) Yang Telah Dikeluarkan, 2008, JKWPKL&P



2.2.4 Lain-Lain Aktiviti

Saman Yang Diterima Dari Luar Daerah – UIP juga bertanggungjawab untuk menyerahkan saman kepada Orang Kena Saman (OKS) di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Jadual 27: Jumlah Saman Daripada Luar Daerah Yang Telah Diterima Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2008

Bil.	Aktiviti	Jumlah
1.	Permohonan Penyempurnaan Saman Luar Daerah	46

Gambar 7: Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) pada 14 Oktober 2008



- Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) – Semua Pegawai dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran adalah dimestikan untuk menghadiri kursus ini bagi meningkatkan kemahiran dan kefahaman dalam kerjaya kesihatan persekitaran. Kursus ini diadakan pada setiap bulan di peringkat Unit Inspektorat & Perundangan Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.3 UNIT FARMASI KESIHATAN

Stor Farmasi Kesihatan telah mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Ogos 2008. Ia terbahagi kepada tiga iaitu Stor Ubat Internal, Stor Ubat Eksternal dan Stor Bukan Ubat. Stor ini menguruskan pembelian ubat dan bukan ubat *Approved Product and Price List (APPL)* dan juga Pembelian Tempatan. Bekalan stok ubat dihantar ke 13 buah klinik-klinik kesihatan dilakukan pada setiap hari mengikut jadual yang ditetapkan. Pada masa yang sama juga bekalan ubat dan bukan ubat masih diambil dari Hospital Kuala Lumpur kerana masalah peruntukan dan ruang Stor Farmasi Kesihatan adalah terhad dan tidak membolehkan penyimpanan stok yang banyak.

Jadual 28: Peruntukan Dan Perbelanjaan Ubat Dan Bukan Ubat 2008

Klinik Kesihatan		Peruntukan 2008 (RM)	Perbelanjaan 2008 (RM)	Peruntukan 2009 (RM)
Klinik-klinik Kesihatan (13 Buah KK Tidak Termasuk KK Putrajaya)	27,401 (Ubat)	5,505,175.00	5,505,174.99	8,600,000.00
	Dasar Baru / “One-Off” (Ubat)	5,841,641.96	5,785,645.84	-
	Bekalan Ubat Dari HKL	-	5,644,011.37	-
	Jumlah	13,526,266.96	16,934,832.20	8,600,000.00
	27,499 (Bukan Ubat)	2,003,000.00	2,002,775.36	2,504,000.00

2.4 UNIT PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

Fungsi utama Unit Pembangunan Kesihatan Keluarga adalah untuk menyelenggara perkhidmatan kesihatan yang diberikan menerusi perancangan, implementasi, pemantauan dan penilaian aktiviti-aktiviti berkaitan dengan kesihatan keluarga, kesihatan primer dan pemakanan di semua peringkat.

Perkhidmatan kesihatan keluarga dibahagikan kepada 3 komponen iaitu:

- Kesihatan keluarga – Merancang, mengkoordinasi dan memantau aktiviti kesihatan ibu dan anak, perkhidmatan kesihatan sekolah, remaja, warga tua, mental, kanak-kanak keperluan khas dan program rehabilitasi
- Kesihatan primer – Merancang, mengkoordinasi dan memantau keperluan teknologi dan infrastruktur fasiliti kesihatan, merancang perkembangan kerjaya anggota kesihatan dan implementasi polisi operasi di peringkat kesihatan primer
- Program pemakanan – Merancang, mengkoordinasi dan memantau aktiviti pemakanan dari aspek perkembangan, nutrisi dan pemulihan

2.4.1 Kesihatan Keluarga

Perkhidmatan kesihatan keluarga yang meliputi aktiviti penjagaan kesihatan ibu dan anak telah dimulakan pada pertengahan tahun 2006 di dua buah klinik JKWPKL&P iaitu di Klinik Kesihatan Jinjang (sejak Mei 2006) dan Klinik Kesihatan Tanglin (sejak September 2006) manakala di Wilayah Persekutuan Putrajaya (Klinik Kesihatan Putrajaya dan Hospital Putrajaya) perkhidmatan ini telah dimulakan sejak penubuhan kemudahan tersebut pada tahun 1999. Pada bulan Julai 2008, sebuah lagi Klinik Kesihatan Ibu dan Anak di Salak Selatan telah beroperasi. Ia bertujuan untuk mengembangkan aktiviti penjagaan kesihatan ibu dan anak yang sekian lama dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (JKDBKL). Selain daripada JKDBKL, perkhidmatan ini juga terdapat di bawah kelolaan Hospital Kuala Lumpur, Hospital-Hospital Universiti, Kementerian Pertahanan dan pihak swasta.

- **Kedatangan Ibu Mengandung** – Pada tahun 2008, seramai 36,908 ibu mengandung dilaporkan mendapat perkhidmatan pemeriksaan antenatal di WPKL&P. Ini memberi liputan sebanyak 110.7% daripada anggaran yang diberi oleh Pusat Informasi Kesihatan KKM iaitu Anggaran Ibu Mengandung seramai 33,352 orang (Jadual 29).

Jadual 29: Kedatangan Ibu Mengandung & Selepas Bersalin WPKL & Putrajaya, Bagi Tahun 2007 dan 2008

Agensi	Kedatangan Ibu Mengandung				Kedatangan Ibu Selepas Bersalin (Baru & Ulangan)	
	Baru		Ulangan		2007	2008
Tahun	2007	2008	2007	2008		
KK Putrajaya	1,417	1,991	15,529	23,201	651	724
KK Jinjang	952	1,040	8,411	8,826	1,373	1,551
KK Salak Selatan	-	156	-	822	-	427
KK Tanglin	268	353	2,191	5,822	29	96
DBKL	11,146	12,200	66,730	58,885	1,446	1,466
HKL	791	TD	3,158	TD	Tiada Data	Tiada Data
Hospital Universiti	4,948	4,527	10,330	13,559	Tiada Data	22
Kementerian Pertahanan	587	1,711	3,895	6,702	Tiada Data	273
Hospital / Klinik Swasta	11,133	14,930	63,355	65,356	523	996
Jumlah	31,242	36,908	173,599	183,173	4,022	5,555
Anggaran Ibu Mengandung					33,776	31,972
Peratus Diperiksa					92.5%	

- **Kelahiran Berdaftar** – Pada tahun 2008, terdapat 33,398 kelahiran berdaftar di WPKL dan WP Putrajaya. Terdapat peningkatan di dalam bilangan kelahiran berdaftar sebanyak 11.7% berbanding dengan jumlah kelahiran pada tahun 2007 iaitu 29,370. Bagi tahun 2008, peratusan kelahiran di premis kerajaan adalah lebih tinggi (55.48%) berbanding dengan peratusan kelahiran di hospital / klinik swasta (44.51%). Keadaan ini berbeza dengan tahun 2007 di mana peratusan kelahiran lebih tinggi di hospital / klinik swasta. (Jadual 30)

Jadual 30: Kelahiran Berdaftar, WPKL & Putrajaya, Tahun 2007 & 2008

Klinik Kesihatan / Hospital	Bilangan		Peratus (%)		
	Tahun	2007	2008	2007	2008
Hospital Putrajaya		1,051	1,494	3.5	5.37
Hospital Kuala Lumpur		8,370	12,369	27.9	38.77
Hospital Universiti		3,896	4,722	7.56	14.8
Hospital Angkatan Tentera Malaysia		313	611	1.0	1.92
Jumlah Hospital Kerajaan		13,630	19,196	45.5	55.48
Hospital / Klinik Swasta		16,269	14,202	54.5	44.51
Jumlah Kelahiran Berdaftar		29,899	33,398		
Anggaran Kelahiran Hidup		29,370	27,802		
Peningkatan (berbanding dengan tahun sebelumnya)		-3.2%	11.7%		


- **Klinik kanak-kanak** – Kedatangan kanak-kanak secara keseluruhannya menunjukkan trend menurun semakin umur meningkat. Ini adalah kerana selepas satu setengah tahun, tiada imunisasi penting yang perlu diberikan kepada kanak-kanak. Bagi kanak-kanak berumur 5-6 tahun pula kebanyakan telah masuk pra-sekolah. Terdapat penurunan bagi peratus kedatangan kanak-kanak di bawah 1 tahun dari 84.2% pada tahun 2007 ke 74.8% pada tahun 2008 walaupun jumlah kedatangan kanak-kanak pada tahun 2008 adalah lebih tinggi (41548) daripada tahun 2007 (29370). Ini disebabkan anggaran kanak-kanak umur 1 tahun ke bawah yang diberikan oleh PIK KKM, jauh lebih tinggi berbanding dengan tahun 2007 sebanyak +41.5% (Jadual 31).
- **Pencapaian Imunisasi** – Pencapaian imunisasi BCG dan Hepatitis B adalah tinggi; imunisasi ini diberikan seurus selepas kelahiran di hospital. Ini selari dengan jumlah kelahiran berdaftar yang tinggi. Trend menurun bagi pelalian seterusnya, mungkin akibat pergerakan ibu semasa berpantang atau ibu yang bersalin di Kuala Lumpur pulang ke tempat asal (Rajah 2). Selain daripada itu, masih terdapat klinik-klinik swasta di sekitar Lembah Klang yang tidak menghantar data-data mengenai pelalian ke JKWPKL&P. Walaubagaimana pun, secara keseluruhan terdapat peningkatan di dalam pencapaian program immunisasi bagi tahun 2008 berbanding dengan tahun 2007.

Jadual 31: Kedatangan Kanak-Kanak & Pencapaian Mengikut Umur, WPKL & Putrajaya, Bagi Tahun 2007 dan 2008

Klinik Kesihatan / Hospital	Bawah 1 tahun				1-4 tahun				5-6 tahun			
	Baru		Jumlah		Baru		Jumlah		Baru		Jumlah	
	Tahun	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007
KK Putrajaya	1,232	1,197	8,999	11,846	996	1,014	6,061	8,174	26	27	90	124
KK Jinjang	1,028	1,143	5,960	6,545	1,213	1,273	3,621	4,303	50	137	82	400
KK Tanglin	108	147	418	864	24	88	172	372	3	8	11	16
KK Salak Selatan	-	310	-	1,207	-	275	-	743	-	39	-	42
DBKL	17,546	11,692	54,296	60,046	15,766	8,703	36,120	39,919	716	387	1,381	1,228
Hospital Universiti	596	2,246	2,282	5,269	112	1003	357	1,372	2	121	39	190
Kementerian Pertahanan	387	895	1,833	3,980	332	1,023	1,713	3,224	263	625	631	1,187
Klinik/Hospital Swasta	3,343	13,790	24,327	23,166	2,055	6,955	10,646	12,173	3,847	705	4,725	974
Jumlah	24,730	31,420	73,788	112,923	20,498	20,059	58,690	70,280	4,907	2,018	4,725	4,161
Anggaran penduduk mengikut umur	29,370	41,548			152,547	135,766			78,124	72,300		
Peratus Pencapaian	84.2%	75.6%			13.4%	14.8%			6.3%	2.8%		

* KK Salak Selatan memulakan perkhidmatan Julai 2008.

Rajah 2: Pencapaian Origan Imunisasi, WPKL & Putrajaya, Bagi Tahun 2007 dan 2008



- **Perkhidmatan Lawatan Ke Rumah** – Perkhidmatan ini dijalankan oleh JKWPKL&P (PKD Putrajaya, PK Tanglin dan KK Jinjang) dan JKDBKL (Jadual 32). Lawatan berkenaan memberi lebih penumpuan kepada kes-kes post natal (selepas bersalin) dan ibu mengandung berisiko kerana kekurangan sumber tenaga kerja. Lawatan jagaan kanak-kanak juga dijalankan bagi kanak-kanak bermasalah pemakanan, kekurangan berat badan dan masalah kelambatan perkembangan atau kecacatan. Bagi kes-kes selain daripada penjagaan ibu dan anak-anak, lawatan ke rumah juga dijalankan bila terdapat keperluan atau dirujuk untuk mengadakan lawatan.

Jadual 32: Perkhidmatan Lawatan Ke Rumah, WPKL & Putrajaya Tahun 2007 & 2008

Klinik Kesihatan	Jumlah Rumah Dilawati		Bilangan Lawatan Mengikut Jenis						Jumlah Lawatan Yang Dibuat	
			Jagaan Ibu		Jagaan Kanak-Kanak		Lain-Lain			
	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008
KK Putrajaya	2,518	3,424	2,394	2,960	25	53	36	118	2,455	3,308
KK Jinjang	2,325	4,068	1,918	2,545	463	668	92	519	2,473	3,732
KK Tanglin	35	213	24	127	7	38	9	35	40	200
KK Salak Selatan	-	183	-	157	-	20	-	5	-	182
DBKL	2,600	4,993	8,870	13,724	1,333	730	28	97	10,231	14,579
Jumlah	5,562	12,881	13,206	19,513	1,117	1,509	165	774	15,199	22,001

- **Kualiti** – Pemantauan kualiti yang dijalankan adalah berdasarkan indikator kebangsaan (*National Indicator Approach*), seperti berikut:

Kadar kematian ibu (*maternal mortality ratio*) – Sebanyak 10 kematian ibu telah dilaporkan sepanjang 2008 berbanding dengan 7 kematian ibu pada tahun 2007. Ini menjadikan *Maternal Mortality Ratio* (MMR) bagi WPKL sebagai 22 per 100,000 kelahiran hidup bagi tahun 2008. Pada tahun 2007, kadar kematian ibu ialah 10.4 per 100,000 kelahiran hidup. Walaupun, terdapat peningkatan MMR bagi WPKL&P, kadarnya masih di bawah paras 30 per 100,000 kelahiran hidup yang disasarkan di dalam *Key Performance Index* KKM.

Kejadian *neonatal jaundice* yang serius – Aktiviti pengesanan *neonatal jaundice* hanya dilaporkan oleh Hospital Kuala Lumpur dan PKD Putrajaya. Pada tahun 2007, seramai 29,899 bayi telah dilakukan saringan G6PD, dan 3

bayi didapati mengalami kekurangan G6PD. Berbanding dengan tahun sebelumnya, seramai 3223 kes neonatal jaundis dilaporkan pada tahun 2008 berbanding dengan 2089 kes pada tahun 2007 dilaporkan. Pada tahun 2008, 872 kes neonatal jaundis menjalani rawatan fototerapi dan 2 kes menjalani pemindahan darah. Terdapat 6 kes yang dilaporkan mengalami *Severe Neonatal Jaundice* dengan kadar insidennya 1.8 kes per 10,000 kelahiran hidup. (Jadual 33).

Jadual 33: Saringan G6PD & Kejadian *Neonatal Jaundice*, WPKL & Putrajaya bagi Tahun 2007 dan 2008

Klinik Kesihatan	Penapisan G6PD				Kes <i>Neonatal Jaundice</i>				Rawatan				Bilangan Kes ' <i>Neonatal Jaundis</i> ' Teruk (Bilirubin > 12 mgm)	
	Disaring		Kekurangan G6PD Dikesan		Dikesan		Dimasuk ke Hospital		Foto-terapi		Fototerapi dan Pertukaran Darah			
	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008		
KK Putrajaya	1043	1408	3	0	449	664	146	190	145	190	1	0	6	1
KK Jinjang	340	0	0	0	191	482	16	48	15	48	1	1	2	3
KK Tanglin	0	324	0	1	3	22	1	10	1	10	0	0	0	0
KK Salak Selatan	-	133	-	0	-	29	-	11	-	11	-	0	-	2
JKDBKL	TD	TD	TD	2	1446	2026	536	617	412	613	1	1	0	0
Jumlah	1383	1865	3	3	2089	3223	699	876	583	872	3	2	8	6

* TD = Tiada Data

- **Pengesanan Kecacatan Penglihatan Murid Sekolah Tahun Satu** – Pemeriksaan murid sekolah oleh perkhidmatan kesihatan sekolah PKD Putrajaya dan JKDBKL berjaya mengesan kecacatan penglihatan di kalangan 5.4% murid Tahun Satu. Ia menunjukkan penurunan 0.8% bagi tahun 2008, berbanding dengan tahun sebelumnya di mana pengesanan kecacatan penglihatan 6.2%. (Jadual 34).

Jadual 34: Kecacatan Penglihatan Murid Sekolah Tahun Satu, WPKL & WP Putrajaya, bagi Tahun 2007 dan 2008

Perkara	Daerah	2007	2008
Kadar Cacat Penglihatan di kalangan Murid	WP Putrajaya	16.4%	27.8%
	WPKL (di bawah JK DBKL)	5.8%	4.3%
	Purata WPKL & WP Putrajaya	6.2%	5.4%

- **Aktiviti Kesihatan Warga Emas** – Program ini telah dikembangkan kepada 6 buah Klinik Kesihatan di bawah JKWPKL&P, iaitu KK Cheras Baru, KK Pantai, KK Dato’ Keramat, KK Petaling Bahagia, KK Tanglin dan KK Jinjang. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di klinik kesihatan warga tua adalah penyaringan penyakit kronik dan pencegahan awal penyakit, pemeriksaan perubatan asas, pendidikan kesihatan berkumpulan dan individu, rawatan, rujukan dan susulan dan aktiviti luar seperti senaman *Tai Chi*.
- **Program Kesihatan Mental** – Program kesihatan mental komuniti bertujuan untuk memudahkan pesakit mental mendapatkan rawatan susulan di klinik kesihatan yang terdekat dengan kediaman untuk mengelakkan kes keciciran kedatangan pesakit berkenaan. Program ini bermula di JKWPKL&P secara berperingkat mengikut zon dengan kerjasama Jabatan Psikiatri Hospital Kuala Lumpur. Selain rawatan susulan aktiviti promosi kesihatan mental seperti ceramah, kaunseling dan pameran juga diadakan. Pada tahun 2008, klinik yang menjalankan aktiviti rawatan susulan pesakit mental dalam komuniti adalah KK Jinjang, KK Dato’ Keramat, KK Cheras dan KK Petaling Bahagia.
- **Program Warga Sihat** – Secara umumnya, klinik warga sihat dilaksanakan di semua klinik JKWPKL&P. Aktiviti klinik warga sihat ini merangkumi pemeriksaan perubatan untuk anggota kerajaan berumur lebih daripada 40 tahun, perkhidmatan berhenti merokok, pemakanan sihat dan pendidikan kesihatan. Pemeriksaan *pap smear* dan pemeriksaan sendiri payudara bagi wanita juga dijalankan.

Aktiviti-aktiviti klinik warga sihat dijalankan secara integrasi kecuali di KK Tanglin yang mempunyai klinik khas. Di KK tersebut sebuah Pusat Sumber disediakan untuk kemudahan pengunjung klinik meningkatkan pengetahuan kesihatan. Ia dilengkapi dengan risalah kesihatan, video, cakera padat, model contoh pemakanan sihat dan poster-poster mengenai pelbagai jenis penyakit.

- Klinik Kesihatan Remaja** – Bagi tahun 2006, empat buah klinik telah mula menjalankan perkhidmatan kesihatan remaja di Jabatan Pesakit Luar sebagai *entry point*, iaitu KK Cheras, KK Tanglin, KK Jinjang dan PKD Putrajaya. Terbaru KK Batu memulakan perkhidmatan kesihatan remaja pada awal 2008. Pada tahun 2008, terdapat peningkatan di dalam bilangan remaja yang disaring iaitu 1,363 berbanding dengan 1,062 remaja telah disaring pada tahun sebelumnya. Remaja-remaja ini telah diberi kaunseling, rawatan dan pendidikan kesihatan bagi masalah-masalah tertentu (Jadual 35).



Gambar 8: Pesakit menjalani rawatan rehabilitasi



bilik *splint*, bilik amali (ADL), bilik *high frequency* dan lain-lain. Perkhidmatan fisioterapi bermula pada 20 Jun 2006 dengan kekerapan 4 kali seminggu. Kes yang dirawat termasuk kes muskularskeletal, neurologi, geriatrik dan obesiti yang dirujuk dari Hospital Selangor dan Hospital Kuala Lumpur. Lain-lain adalah program obesiti remaja dan program warga emas.

- Program Rehabilitasi** – Sejak berpindah ke kawasan klinik yang lebih luas dan lengkap pada tahun 2006, KK Jinjang telah dilengkapi kemudahan untuk perkhidmatan rehabilitasi. Ini terdiri daripada fisioterapi dan pemulihan cara kerja bagi pesakit strok, warga emas, pesakit selepas pembedahan dan pesakit mental. Unit ini juga dilengkapi kemudahan seperti gimnasium,

Jadual 35: Program Kesihatan Remaja, WPKL & Putrajaya bagi Tahun 2007 dan 2008

Klinik Kesihatan	Bil. Remaja Yang Disaring		Bil. Remaja Yang Datang ke Klinik		Masalah Seksual / Reprodktif		Masalah Pemakanan		Kesihatan Mental		Masalah Tingkahlaku Bersiko		Masalah Fizikal		Bil. Remaja Yang Dirujuk ke Hospital / Agensi		Bil. Remaja Yang Dibert Kaunseling Secara Individu		Bil. Pendidikan Kesihatan Yang Diberikan di Klinik		Jumlah Kehadiran Keseluruhan	
	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008
KK Cheras	185	319	185	319	3	13	34	103	1	33	17	47	136	199	0	0	50	203	0	4	50	319
KK Tanglin	238	200	238	200	0	10	11	20	0	0	6	2	2	6	0	0	31	68	0	5	138	60
KK Jinjang	153	262	153	7,116	45	29	0	61	49	30	39	43	6	30	2	0	20	109	5	5	27	419
KK Batu	TD	48	TD	48	TD	9	TD	10	TD	0	TD	2	TD	9	TD	4	TD	4	TD	10	TD	20
KK Putrajaya	486	534	486	534	7	77	1	37	7	110	12	186	9	0	0	0	18	20	0	0	18	40
Jumlah	1,062	1,363	1,062	8,217	55	138	46	231	57	173	74	280	153	244	2	4	119	404	5	24	126	858

- **Kursus-Kursus Yang Dianjurkan** – Kursus-kursus berkaitan aktiviti kesihatan keluarga yang dianjurkan adalah seperti Jadual 36.

Jadual 36: Kursus-Kursus Kesihatan Keluarga, JKWPKL&P, 2008

Tarikh	Kursus	Tempat
7-8 A pril 2008	Kursus Kawalan Infeksi	Bilik Seminar, Ting. 2, JKWPKL&P
18 April 2008	Kursus Perkhidmatan Berintegrasi (<i>Revised Approach</i>)	Bilik Seminar, Ting. 2, JKWPKL&P
24-25 April 2008	Kursus Penjagaan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak	Bilik Seminar, Ting. 2, JKWPKL&P
7 Mei 2008	Kursus Perkhidmatan Sekolah Zon Bangsar	Bilik Seminar, Ting. 2, JKWPKL&P
23-25 Mei 2008	Seminar Pengurusan Klinik	Hotel Goldcourse, Klang
11 Jun 2008	Bengkel Fasilitator Mento – Mentee Kejururawatan	Bilik Mesyuarat Utama, Blok A, JKWPKL&P
28 Jun 2008	Bengkel 7S Jururawat (1)	Bilik Seminar, Ting. 2, JKWPKL&P
18-19 Jun 2008	Kursus Perkhidmatan Perancang Keluarga	Bilik Seminar, Ting. 2, JKWPKL&P
16-17 Julai 2008	Kursus Pengendalian / Jagaan Dementia	Bilik Seminar, Blok B, JKWPKL&P
18 Julai 2008	Bengkel 7S Jururawat (2)	Bilik Seminar, Blok B, JKWPKL&P
5 Ogos 2008	Kursus <i>Pap Smear & CBE</i>	Bilik Seminar Pemakanan, Ting. 3, Blok B, JKWPKL&P
7-8 Ogos 2008	Kursus Perkhidmatan Kesihatan Remaja	Bilik Seminar Pemakanan, Ting. 3, Blok B, JKWPKL&P
11-12 Ogos 2008	Kursus Kaunseling <i>Genetic Thalasemia</i>	Bilik Seminar Pemakanan, Ting. 3, Blok B, JKWPKL&P
18-19 Ogos 2008	Taklimat Penggunaan Buku Rekod Kanak-kanak	Bilik Seminar, Blok B, Ting. 2, JKWPKL&P
27-28 Okt. 2008	Kursus ' <i>Basic Eye Care</i> ' for <i>Paramedic</i>	Bilik Seminar, Hospital Serdang
20-22 Okt. 2008	Kursus Pengendalian Kes Kecemasan Untuk JM	Bilik Seminar Utama, Blok B, JKWPKL&P
11-12 Nov. 2008	Kursus <i>Diabetes Eye and Foot Care</i>	Auditorium Ungku Omar, IMR, HKL

2.5 KESIHATAN PRIMER


Perkhidmatan Rawatan Primer merupakan aktiviti utama JKWPKL&P yang dilaksanakan melalui 14 buah klinik kesihatan di WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya. Klinik-klinik ini memberi perkhidmatan pesakit luar termasuk beberapa komponen perkhidmatan *expanded scope* bergantung kepada keperluan komuniti dan kemampuan klinik. Perkhidmatan Kesihatan Primer diperkukuhkan dengan adanya 10 orang Pakar Kesihatan Keluarga yang ditempatkan di PKD Putrajaya, KK Tanglin, KK Jinjang, KK Cheras, KK Batu dan KK Petaling Bahagia yang juga merupakan klinik rujukan bagi klinik lain mengikut zon. Rajah 1 menunjukkan bilangan kedatangan pelanggan klinik kesihatan di WPKL dan WP Putrajaya pada tahun 2003 hingga 2008.

Pada tahun semasa, 14 klinik-klinik kesihatan di WPKL dan WP Putrajaya mencatatkan 876,982 kedatangan pesakit luar, iaitu peningkatan 15.36% berbanding tahun 2007 (Rajah 2 dan 3). Pada keseluruhannya, hampir kesemua klinik menunjukkan peningkatan yang ketara terutamanya di KK Cheras (58.9%), KK Putrajaya (24.4%) dan KK Jinjang (22.9%).

Jadual 37: Kedatangan Pelanggan Klinik Kesihatan JKWPKL&P, 2003-2008

Klinik Kesihatan	Jumlah Kedatangan (Pesakit Luar)						% Perbezaan 2007 & 2008
	2003	2004	2005	2006	2007	2008	
Jinjang *	64,456	66,198	68,167	79,413	88,180	109,300	+ 24%
Putrajaya *	97,009	105,209	86,474	63,992	131,396	164,703	+ 25.4%
Setapak	33,573	38,722	49,329	57,530	69,667	71,746	+ 3%
Tanglin *	39,120	49,492	53,222	56,015	66,636	76,179	+ 14.3%
Petaling Bahagia	27,075	28,704	37,254	44,922	50,663	55,795	+ 10.1%
Kampung Pandan	34,779	34,963	37,359	42,016	46,922	47,100	+ 0.4%
Batu *	32,587	37,075	38,283	40,352	44,224	51,685	+ 16.9%
Bandar Tun Razak	27,426	24,834	31,383	35,987	42,137	43,024	+ 2.1%
Cheras Baru	30,165	31,462	33,336	34,958	39,303	40,797	+ 3.8%
Pantai	37,592	29,548	29,642	34,345	44,518	46,507	+ 4.5%
Sentul	26,540	22,298	29,080	31,841	35,423	34,481	- 2.7%
Sungai Besi	28,674	29,955	30,556	31,359	37,820	37,917	+ 0.3%
Dato' Keramat	29,584	29,402	30,054	30,882	34,138	35,013	+ 2.6%
Cheras	25,739	26,125	27,357	27,974	29,162	45,331	+ 55.4%
Jumlah	840,503	853,801	869,697	611,586	760,189	859,578	+ 13.1%

* Jumlah tidak termasuk dengan kedatangan Klinik Ibu dan Anak

Rajah 3: Jumlah Pesakit Luar Mengikut Klinik, JKWPKL&P 2007-2008**Jadual 38:** Bilangan Kes Yang Diperiksa Oleh Anggota Kesihatan, 2008

Bil.	Klinik	FMS	DR	PPP	Total
1.	Tanglin	4,148	44,972	7,940	57,060
2.	Sungai Besi	452	23,875	9,216	33,543
3.	Sat. Setapak	0	0	498	498
4.	Setapak	227	53,775	8,261	62,263
5.	Sentul	151	15,569	14,689	30,409
6.	Putrajaya	7,397	78,180	38,674	124,251
7.	Petaling Bahagia	6,422	42,077	2,215	50,714
8.	Pantai	131	26,001	20,430	46,562
9.	Kampung Pandan	948	20,552	14,971	36,471
10.	Jinjang	3,122	76,094	23,847	103,063
11.	Keramat	34	22,676	8,618	31,328
12.	Cheras Baru	67	14,679	17,482	32,228
13.	Cheras	2,998	18,672	23,484	45,154
14.	Bandar Tun Razak	601	18,965	18,565	38,131
15.	Batu	1,637	24,101	23,804	49,542
Jumlah		28,335	480,188	232,694	741,217

Jadual 38 menunjukkan bilangan kes yang telah diperiksa oleh anggota kesihatan (FMS, Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Perubatan).

Daripada keseluruhan kedatangan pelanggan ke klinik kesihatan di WPKL&P, kebanyakan kes dilihat oleh Pegawai Perubatan dan dibantu juga oleh Penolong Pegawai Perubatan di klinik masing-masing.

Jadual 39: Beban Kerja Kakitangan Klinik-Klinik Kesihatan JKWPKL&P, 2008

Bil.	Klinik Kesihatan	Kes OPD			Bil. Kes	Kes Baru	Bil. Prosedur Dilakukan	
		FMS	MO	MA			MA	J/rawat
		WP	WP	WP	Total	Total		
1.	Batu	914	14,303	16,830	26,526	33,641	4,101	46,792
2	Bdr. Tun Razak	281	12,090	11,308	19,469	33,125	4,313	19,812
3.	Cheras	2,075	9,784	13,639	25,501	30,411	3,390	34,704
4.	Cheras Baru	1,362	12,032	14,329	22,775	24,172	2,584	34,111
5.	Dato' Keramat	34	13,233	4,861	19,420	23,168	1,870	6,639
6.	Jinjang	2,058	47,083	11,892	60,817	67,819	5,916	64,392
7.	Kg. Pandan	937	14,202	10,787	27,837	9,014	6,321	39,083
8.	Pantai	43	14,792	12,818	23,299	24,910	1,124	24,828
9.	Ptlg. Bahagia	3,689	22,285	1,561	31,413	27,811	3,818	56,026
10.	Putrajaya	4,564	49,644	17,308	90,971	90,586	20,161	6,699
11.	Sentul	87	8,187	7,171	14,473	22,410	2,429	13,555
12.	Setapak	144	34,945	2,925	40,647	27,725	5,299	51,253
13.	Sg. Besi	121	11,191	6,276	16,086	18,831	3,544	30,864
14.	Tanglin	2,319	28,854	3,202	26,552	37,198	4,840	428,758
15.	Jumlah	18,628	292,625	134,907	445,786	470,821	69,710	857,516

2.5.1 Pemeriksaan Perubatan

Pemeriksaan Perubatan dilakukan di beberapa buah klinik kesihatan WPKL dan merangkumi pemeriksaan anggota perkhidmatan awam yang melebihi 40 tahun (Jadual 40), jemaah haji (Jadual 41) dan kesihatan pekerjaan. *Dyslipidemia* merupakan masalah paling ketara dikesan diikuti dengan obesiti, HPT dan DM.

Jadual 40: Pemeriksaan Perubatan dan Masalah Kesihatan Dikesan, Anggota Perkhidmatan Awam Usia > 40 Tahun, JKWPKL&P, 2007-2008

Klinik Kesihatan	2007		2008	
	Jumlah Diperiksa	Jumlah Permasalahan Perubatan	Jumlah Diperiksa	Jumlah Permasalahan Perubatan
Tanglin	482	355	347	132
Jinjang	68	23	32	14
Dato' Keramat	119	12	60	2
Cheras	104	51	23	4
Putrajaya	556	531	649	514
Sentul	2	0	3	0
Setapak	1	0	5	0
Cheras Baru	1	0	2	0
Sungai Besi	10	0	17	1
Pandan	67	6	75	9
Pantai	45	19	37	11
Petaling Bahagia	25	0	1	0
Jumlah	1,479	997 (67.4%)	1,251	687 (54.9%)

Jadual 41: Pemeriksaan Perubatan Bakal Haji, JKWPKL&P, 2008

Lelaki	Perempuan	Bilangan Dirujuk	Bilangan Lulus	Jumlah Bakal Haji
879	1,129	832	1,160	2,008

2.5.2 Perkhidmatan Sokongan

2.5.2.1 Pemeriksaan Pengimejan Diagnostik

Perkhidmatan Radiologi dilakukan di Klinik Kesihatan Tanglin, Klinik Jinjang dan Klinik Kesihatan Putrajaya dan Jadual 42 menunjukkan beban kerja perkhidmatan.

Didapati bahawa terdapat peningkatan beban kerja di KK Jinjang dan Putrajaya dari segi beban kerja pengimejan diagnostik tetapi berkurang di KK Tanglin. Ini adalah

Jadual 42: Perbandingan Beban Kerja Pengimejan Diagnostik, JKWPKL&P, 2007 & 2008

Klinik Kesihatan	2007	2008	% Perbezaan
Jinjang	2,258	2,986	+32.2%
Putrajaya	6,745	7,297	+8.2%
Tanglin	7,108	4,341	-38.9%
Total	16,111	14,624	-9.2%

disebabkan oleh walaupun terdapat pertambahan jumlah kes yang menjalani pemeriksaan diagnostik di semua KK ini tetapi KK Tanglin telah menunjukkan pengurangan dari segi penggunaan filem. Ini disebabkan oleh bermula pada tahun 2008, KK Tanglin telah mengambil inisiatif untuk mengurangkan penggunaan filem dengan cara membahagikan 1 filem kepada 2 bahagian (view) bagi membolehkan filem digunakan secara maksima.

2.5.3 Perkhidmatan Makmal

Pada tahun 2008 JKWPKL&P telah menambah satu lagi KK yang mempunyai perkhidmatan makmal perubatan iaitu di KK Batu, menjadikan jumlah KK yang mempunyai makmal sebanyak 7 buah KK. Jadual 43 menunjukkan beban kerja Makmal Perubatan di Klinik-klinik Kesihatan di WPKL dan Putrajaya bagi tahun 2008. Terdapat peningkatan jumlah beban kerja yang mendadak iaitu sebanyak 34.9% jika dibandingkan di antara jumlah yang dilakukan pada tahun 2007 (923,468) dan 2008 (1,246,180).

Selain dari terdapatnya peningkatan dari segi jumlah kedatangan pesakit, mulai April 2008, KK Jinjang dan KK Tanglin telah mengambilalih bagi melakukan pemeriksaan makmal dari KK Batu dan Pantai bagi ujian makmal seperti *Renal Profile*, *Liver Profile*, *Lipid Profile* dan glukos yang sebelum ini telah dihantar ke Hospital Kuala Lumpur. Selain dari itu, mulai Julai 2008, semua ujian HbA1c dari KK dibawah JKWPKL&P yang sebelum ini dihantar ke HKL telah mula dihantar ke KK Tanglin dan Jinjang.

Memandangkan perkhidmatan makmal semakin berkembang, pihak JKWPKL&P akan sentiasa memastikan kawalan kualiti sentiasa menjadi keutamaan. Antara program kepastian kualiti yang di sertai oleh KK di JKWPKL&P adalah RCPA *Haemoglobin Programme* untuk ujian FBC (semua makmal), EQAS BIORAD *Clinical Chemistry* (RP, LFT, FSI, UA, glucose) dan EQAS BIORAD (HbA1c) di KK Tanglin, Jinjang dan Putrajaya.

Jadual 43: Beban Kerja Makmal Klinik Kesihatan JKWPKL&P, 2008

Klinik Kesihatan	Patologi Kimia	Mikrobiologi	Hematologi	Histopathologi	Sitologi	Serologi	Parasitologi	Blood Bank	Jumlah
Jinjang*	295,396	4,241	47,888	0	403	0	0	5,356	353,284
Tanglin*	263,099	5,570	24,693	0	0	0	0	0	293,362
Putrajaya*	210,362	241	52,668	0	0	7,360	63	6,383	277,077
Setapak*	38,683	825	8,397	0	0	0	0	0	47,905
Cheras*	48,281	3,107	23,341	0	260	0	0	0	74,989
Batu*	68,278	1,036	0	0	196	0	0	0	82,452
Dato' Keramat	16,882	162	1,760	63	121	0	0	0	18,988
Cheras Baru	11,646	557	0	0	0	0	0	0	12,203
Bdr. T. Razak	6,005	4,140	0	0	0	0	0	0	10,145
Pandan	11,327	5,248	1,845	1	81	0	0	0	18,502
Sentul	2,864	2,921	634	0	93	0	0	0	6,512
Ptlg. Bahagia	7,267	490	402	0	274	0	0	0	8,433
Sungai Besi	6,144	905	901	0	201	0	0	0	8,151
Pantai*	19,997	2,435	11,745	0	0	0	0	0	34,177
Jumlah	100,6231	31,878	187,216	64	1,629	7,360	63	11,739	1,246,180

* Klinik yang ada makmal.

2.5.4 Panel Penasihat

Perkhidmatan Panel Penasihat Klinik Kesihatan WPKL bermula pada tahun 2003 di 2 buah klinik iaitu KK Jinjang dan KK Cheras Baru. Pada 23 Disember 2005, Panel Penasihat telah ditubuhkan di semua 14 klinik kesihatan. Bagi tempoh perlantikan 2005 - 2007, ianya telah berakhir pada 31 Disember 2007. Sehubungan itu, semua Klinik Kesihatan telah mengemukakan pencalonan perlantikan baru bagi sesi 2008-2010 kepada Pejabat Menteri. Sementara menunggu keputusan dari Pejabat Menteri,

pihak JKWPKL&P telah mengeluarkan surat perlantikan sementara kepada calon-calon tersebut bagi memastikan kesinambungan sumbangan dari pihak Panel penasihat terhadap aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Panel Penasihat Klinik Kesihatan adalah seperti di Jadual 44.

Jadual 44: Aktiviti Panel Penasihat Klinik Kesihatan JKWPKL, 2008

Wilayah	Klinik Kesihatan	Aktiviti Yang Dijalankan
Kuala Lumpur	JKWPKL&P	1. Mesyuarat Panel Penasihat Peringkat JKWPKL&P.
		2. Kursus Penjagaan Tulang Belakang.
		3. Kursus Basic Life Support.
		4. Lawatan Ke Hospital Putrajaya.
	Batu	1. Mesyuarat Panel Penasihat.
		2. Kem-kem Kesihatan.
		3. Program Bersama Masyarakat.
	Bandar Tun Razak	1. Mesyuarat Panel Penasihat.
		2. Kem-kem Kesihatan.
		3. Program Bersama Masyarakat.
	Cheras	1. Mesyuarat Panel Penasihat
		2. Kem-kem Kesihatan
		3. Program Bersama Masyarakat.
	Cheras Baru	1. Mesyuarat Panel Penasihat.
		2. Kem-kem Kesihatan.
		3. Program Bersama Masyarakat.
	Jinjang	1. Malam Mesra Panel Penasihat KK Jinjang kali Ke-2.
		2. Penglibatan Senam Seni Malaysia di Dataran Merdeka.
		3. Minggu Kesihatan Kanak-kanak Peringkat KK Jinjang.
		4. Program PROMIS Bagi Guru-guru Kaunselor.
		5. Pelancaran Dapur Sihat.

Jadual 44: (Samb.)

Wilayah	Klinik Kesihatan	Aktiviti Yang Dijalankan
		6. Minggu Kesihatan Ibu Hamil.
		7. Kem-kem Kesihatan.
		8. Hari Keluarga KK Jinjang.
	Kg. Pandan	1. Mesyuarat Panel Penasihat
		2. Kem-kem Kesihatan
		3. Program Bersama Masyarakat.
	Dato' Keramat	1. Mesyuarat Panel Penasihat
		2. Kem-kem Kesihatan
		3. Program Bersama Masyarakat.
	Pantai	1. Mesyuarat Panel Penasihat
		2. Kem-kem Kesihatan
		3. Program Bersama Masyarakat.
	Setapak	1. Mesyuarat Bagi Pelantikan Baru Ahli Panel Penasihat.
		2. Gotong-Royong di KK Setapak.
		3. Mesyuarat Bagi Perbincangan Hari Terbuka KK Setapak.
		4. Hari Terbuka & Hari Kesihatan Setapak.
		5. Mesyuarat Perancangan Tahun 2009.
	Petaling Bahagia	1. Mesyuarat Panel Penasihat.
		2. Kem-kem Kesihatan.
		3. Program Bersama Masyarakat.
	Sungai Besi	1. Mesyuarat Panel Penasihat.
		2. Kem-kem Kesihatan.
		3. Program Bersama Masyarakat.
	Sentul	1. Mesyuarat Panel Penasihat.
		2. Kem-kem Kesihatan.
		3. Program Bersama Masyarakat.

Jadual 44: (Samb.)

Wilayah	Klinik Kesihatan	Aktiviti Yang Dijalankan
	Tanglin	1. Mesyuarat Panel Penasihat.
		2. Kem-kem Kesihatan.
		3. Program Bersama Masyarakat.
Putrajaya	Putrajaya	1. Mesyuarat Panel Penasihat.
		2. Kem-kem Kesihatan.
		3. Program Bersama Masyarakat.

2.5.5 Kem & Promosi Kesihatan

Pihak JKWPKL&P telah banyak menerima jemputan dan cadangan untuk menyertai serta menjalankan saringan & promosi kesihatan anjuran pihak berkenaan. Terdapat juga klinik-klinik kesihatan JKWPKL&P yang menganjurkan sendiri saringan dan promosi kesihatan ini melalui beberapa program bersama masyarakat di sekitarnya. Lihat Jadual 45 untuk maklumat lanjut :

Jadual 45: Bilangan Kem & Promosi Kesihatan Bagi Tahun 2008.

Jabatan / Klinik Kesihatan	Bilangan Kem Kesihatan Disertai	Penglibatan Agensi Lain
JKWPKL&P	8	- Semua Agensi Kerajaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. - Persatuan Penduduk Setempat. - Beberapa NGO Setempat. - Agensi / Syarikat Swasta. - Angkatan Tentera Malaysia.
KK Jinjang	7	
KK Putrajaya	4	
KK Setapak	6	
PK Tanglin	5	
KK Petaling Bahagia	6	
KK Kampung Pandan	5	
KK Batu	4	
KK Bandar Tun Razak	4	

Jadual 45: (Samb.)

Jabatan / Klinik Kesihatan	Bilangan Kem Kesihatan Disertai	Penglibatan Agensi Lain
KK Cheras Baru	5	
KK Pantai	6	
KK Sungai Besi	4	
KK Sentul	7	
KK Dato' Keramat	4	
KK Cheras	4	

2.5.5.1 Laporan Kem Kesihatan 2008

Berdasarkan analisa dari semua kem & promosi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2008, didapati jumlah responden dari pihak perempuan dengan jumlah 59.46% lebih ramai hadir menjalani saringan pemeriksaan kesihatan tersebut. Kebanyakan yang datang adalah berumur dalam lingkungan 30-60 tahun (52.72%). Didapati mereka yang datang membuat pemeriksaan, seramai 21.67% dari pelanggan lelaki didapati mempunyai tekanan darah melebihi 130/85mmHg.

Bagi pemeriksaan glukosa dalam darah (tidak berpuasa), analisa yang dibuat mendapati 8.69% daripada jumlah responden yang terlibat mempunyai paras glukosa melebihi 10 mmol/L (Kajian NHMS III menunjukkan prevalen bagi penyakit kencing manis di kalangan rakyat Malaysia kini adalah 11.5%). Analisa berat badan unggul pula mendapati, 41.09% responden yang menjalani pemeriksaan kesihatan mengalami berat badan yang berlebihan (BMI >25).

Sepanjang program pemeriksaan ini dijalankan, kesemua responden akan diberikan kaunseling, ceramah dan beberapa cara untuk menjalani hidup yang sihat melalui amalan pemakanan yang betul dan sikap yang positif yang diamalkan dalam kehidupan seharian oleh kakitangan perubatan yang bertugas.